



KAKITANGAN Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membersihkan kawasan berlumpur di Jalan Klang Lama akibat banjir yang melanda di beberapa kawasan di sekitar ibu kota, semalam.



KAKITANGAN Jabatan Pos Malaysia sibuk membersihkan kesan-kesan banjir di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, semalam.

# Banjir kilat ibarat tsunami – Penduduk

Oleh RAJA ZUHA KAMAL

**KUALA LUMPUR** 7 April \_ Banjir kilat yang melanda Batu 4 1/2, Jalan Klang Lama semalam disifatkan antara yang terburuk pernah berlaku dalam tempoh 10 tahun, malah penduduk merasakan seperti tsunami baru melanda.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di rumah panjang Pusat Rukun Tetangga Sektor Yee Seng dan Thambipillay Timur dekat sini hari ini menyaksikan sendiri kesan banjir dan keperitan dialami penduduk yang rata-rata terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

Difahamkan, semua penduduk gagal menyelamatkan harta-benda dan terpaksa menyelamatkan nyawa mereka sendiri de-

ngan memanjat bumbung rumah dan jejambat berhampiran kawasan tersebut setelah rumah mereka dinaiki air setinggi hampir dua meter.

Seorang juruteknik pendawaian, **Rosman Norbai**, 21, berkata, banjir yang berlaku secara tiba-tiba itu seperti tsunami melanda kerana paras air meningkat secara mendadak dengan arus yang deras.

Menurutnya, ketika kejadian berlaku kira-kira pukul 5 petang, paras air naik dengan serta-merta tetapi siren amaran banjir yang dipasang berhampiran Pusat Rukun Tetangga gagal berfungsi dengan baik.

“Kadang-kadang siren itu berbunyi ketika tiada apa-apa yang berlaku tetapi semalam, banjir bertindak lebih pantas daripada bunyi siren,” ujunya.

Rosman menambah, kawasan berkenaan mengalami empat kali banjir kilat sejak didiaminya enam tahun lalu tetapi banjir yang melanda semalam merupakan yang terburuk.

Sementara itu, seorang penghantar surat, **Mohd. Noor Abdul Talib**, 27, berkata, rata-rata penduduk di situ, sejak kebelakangan ini tidak lagi bergantung kepada bunyi siren setiap kali hujan lebat turun.

Ini kerana, katanya, setiap penduduk di situ sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga memastikan rumah masing-masing tidak dinaiki air terutamanya waktu hujan lebat.

“Bagaimanapun banjir berlaku terlalu pantas dan penduduk mengambil tindakan sendiri tanpa mengharapkan bunyi siren amaran,” katanya.

**Banjir berlaku terlalu pantas dan penduduk mengambil tindakan sendiri tanpa mengharapkan bunyisiren amaran**

**MOHD. NOOR ABDUL TALIB**  
Penghantar surat

Seorang murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Chong Wan, **Norsyaiful Asrul Suandi**, 12, terpaksa ponteng kelas kerana membantu keluarganya membersihkan rumah termasuk menjemur buku-buku sekolah.

“Ketika kejadian, saya berada di sekolah tetapi malangnya didapati rumah hampir ditenggelami air manakala kebanyakan buku pelajaran rosak akibat banjir,” katanya.

Hujan lebat yang turun selama dua jam sejak pukul 3 petang semalam turut mengakibatkan kesesakan teruk di beberapa laluan

utama ke ibu negara.

Selain tempat tinggal, operasi perniagaan turut terjejas akibat banjir di kawasan yang terlibat khususnya di Jalan Klang Lama.

Seorang jurujual barangan elektrik, **Mohd. Hafiz Mokhtarudin**, 24, berkata, kebanyakan barangan elektrik seperti peti ais dan aksesori elektrik yang dijualnya rosak setelah ditenggelami air kira-kira setengah meter.

“Kerugian yang dialami tidak dapat dianggarkan tetapi apa yang pasti keselamatan nyawa penduduk lebih penting,” katanya.

UM 8/4